

# LAMPIRAN J.1

## **GARISPANDUAN UNTUK PEMBERIAN INSENTIF BAGI PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DI LUAR KAWASAN DALAMAN BANDARAYA GEORGE TOWN**

### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Garispanduan ini diperlukan supaya menggalakkan pemuliharaan bangunan-bangunan yang mempunyai ciri-ciri senibina dan potensi yang wajar dipelihara sebagai bangunan warisan yang terdapat di seluruh kawasan Pulau di luar Kawasan Bandaraya George Town.

### **2.0 KAWASAN PEMAKAIAN**

- 2.1 Garispanduan ini hanya dipakai kepada permohonan merancang/pelan bangunan yang melibatkan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai dari segi sejarah, kebudayaan dan/atau ciri-ciri senibina dan mempunyai potensi yang dikenalpasti oleh MPPP seperti wajar untuk dipelihara sebagai bangunan warisan. Cadangan hendaklah untuk membaik pulih bangunan warisan mengikut garispanduan untuk Bangunan Warisan I & II. Jika bangunan belum disenaraikan sebagai bangunan Warisan I & II ia akan dipertimbangkan mengikut meritnya oleh Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan dan selepas dilulus bangunan akan dimasukkan dalam senarai Bangunan Warisan I & II Majlis.

### **3.0 JENIS INSENTIF BAGI PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DI LUAR KAWASAN DALAMAN BANDARAYA GEORGE TOWN**

- 3.1 Untuk menggalakkan pemeliharaan bangunan-bangunan warisan yang terletak di luar Kawasan Dalaman Bandaraya George Town, insentif-insentif yang berikut akan diberi kepada semua permohonan pemuliharaan bangunan warisan yang diluluskan oleh Majlis yang mengikut garispanduan-garispanduan rekabentuk bandar dan senibina Majlis:-
- i. Permohonan diproses secara “fast-track”.
  - ii. Pengecualian dari anjakan bangunan untuk pelebaran jalan. (kecuali di mana jalan perlu dilebarkan mengikut cadangan pelan pengangkutan dan lalulintas Majlis yang sedang di dalam penyediaan).
  - iii. Pembatalan garisan pelebaran untuk lorong belakang yang mana lorong belakang sedia ada adalah mencukupi.
  - iv. Membenarkan pertukaran kegunaan bangunan yang sesuai (adaptive re-use) untuk bangunan warisan. Tukarguna bangunan dibenarkan mengikut garispanduan Majlis.
  - v. Insentif peruntukan tempat letak kereta. (Sila rujuk para 4)
  - vi. Pemberian geran penyelenggaraan (maintenance grant). (Sila rujuk para 5)

- vii. Pengecualian dari bayaran pemajuan, sumbangan penanaman pokok dan bayaran caruman pamaritan. (Sila rujuk para 6)

#### **4.0 INSENTIF BERKENAAN DENGAN PENYEDIAAN TEMPAT LETAK KERETA**

- 4.1 MPPP akan memberi insentif mengenai peruntukan tempat letak kereta kepada kes-kes permohonan merancang dan pelan bangunan yang diluluskan untuk pemuliharaan bangunan yang mengikut garis panduan warisan dan lain-lain kehendak teknikal.
- 4.2 Semua permohonan merancang dan pelan bangunan yang mencadangkan pemeliharaan/pemuliharaan bangunan warisan yang dikenalpasti di luar Kawasan Dalaman Bandaraya George Town diberi pengecualian untuk menyediakan fizikal sepenuhnya peruntukan tempat letak kereta.
- 4.3 Rebate untuk sumbangan kewangan di dalam penyediaan tempat letak kereta secara fizikal diberi berdasarkan kepada:-

<b>Kategori Pemuliharaan</b>	<b>Rebate Sumbangan Kewangan</b>
Pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori I & II	100%

#### **5.0 PEMBERIAN GERAN UNTUK PEMELIHARAAN DAN MEMBAIKI BANGUNAN WARISAN**

- 5.1 Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan memberi peruntukan penyelenggaraan sebanyak 90% kadar taksir tahunan kepada bangunan warisan (Kategori I & II) yang dipelihara untuk tempoh sehingga 5 tahun.

#### **6.0 PENGEQUALIAN DARI LAIN-LAIN PEMBAYARAN**

- 6.1 Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan memberi pengecualian kepada pemuliharaan bangunan warisan (Kategori I & II) dari dikenakan sumbangan kewangan kepada Kumpulan Perkhidmatan Kemajuan ('Services Improvement Fund') untuk densiti dan nisbah plot dan tukarguna, bayaran penanaman pokok, sumbangan perparitan (drainage contributions) dan sumbangan untuk penyediaan kemudahan masyarakat.

#### **7.0 PELAKSANAAN**

Tarikh pelaksanaan garis panduan ini ialah tarikh ianya diterimapakai dengan rasminya oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang iaitu pada 20.07.1999.

#### **Nota:**

- i) *Had Ketinggian maksima yang dibenarkan adalah 18 meter.*
- ii) *Semua pemajuan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town adalah tertakluk kepada ulasan daripada Jabatan Warisan dan GTWHI.*